

23 MAY 2000

Australia-Hubungan

AUSTRALIA AKAN BEKERJA SAMA DENGAN M'SIA

KUCHING, 23 Mei (Bernama) -- Australia akan terus berusaha merapatkan hubungan dalam aspek positif dengan Malaysia dan negara-negara Asia lain, kata Pesuruhjaya tinggi Australia ke Malaysia Peter Varghese hari ini.

Beliau berkata usaha menjalin hubungan rapat dengan rantau ini terutama Malaysia merupakan dasar utama kerajaan Australia dalam bentuk perdagangan, pelaburan, pelancongan, pendidikan dan hubungan teknologi maklumat.

"Saya yakin bahawa hubungan antara kedua-dua buah negara akan terus dibangunkan kerana asasnya kukuh," katanya.

Varghese yang sedang dalam lawatan tiga hari ke Sarawak diminta mengulas temuramah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disiarkan televisyen SBS Australia, minggu lepas dan Dr Mahathir mengkritik Australia kerana bertindak seperti "pembuli serantau".

Dr Mahathir yang merujuk kepada campurtangan Australia di Indonesia dalam proses keamanan di Timor Timur tahun lepas, dipetik sebagai berkata bahawa negara itu patut berhenti mengajar rakyat Asia bagaimana untuk mentadbir negara jika ia mahu menjadi sahabat Asia.

Varghese berkata Australia tidak berhasrat mahu memimpin mana-mana negara tetapi lebih suka berurusan dengan mereka terutama negara jiran Asia secara konstruktif.

"Seperti yang dijangka, lebih daripada separuh eksport kita (Australia) dihantar ke Asia Tenggara, keselamatan kita bergantung kepada keselamatan Asia Tenggara, kami mempunyai beribu-ribu pelajar Asia di Australia dan beratus ribu pelancong Asia di Australia," katanya.

Mengenai perdagangan dan pelaburan dengan Malaysia, beliau berkata Australia yang pada masa ini mencatatkan pelaburan lebih A\$1 bilion di negara ini memilih untuk menggalakkan lebih banyak usaha sama dan perusahaan.

Pelaburan Malaysia di Australia, bernilai kira-kira A\$1 bilion, yang dikuasai oleh pasaran hartanah.

Varghese yakin bahawa hubungan perdagangan dengan Malaysia disokong oleh pertumbuhan yang kukuh sejak pemulihan ekonomi serantau yang menyaksikan eksport Australia ke Malaysia meningkat 12 peratus dan eksport Malaysia ke Australia meningkat sebanyak 30 peratus.

Keseluruhannya rekod perdagangan bagi kedua-dua arah bernilai kira-kira A\$5 bilion (RM12 bilion) dengan A\$1 bilion lebihan berpihak kepada Malaysia.

Dalam bidang pendidikan, beliau berkata kedua-dua buah negara mempunyai hubungan rapat dengan Australia menjadi destinasi asing terbesar pelajar Malaysia belajar di seberang laut.

Menurutnya seramai 16,000 rakyat Malaysia termasuk 2,000 dari Sarawak kini belajar di negara itu.

Selain program kembar dengan universiti tempatan, Australia juga mempunyai kampus cawangan di Malaysia iaitu cawangan Curtin University of Technology di Miri, cawangan Monash University di Kuala Lumpur dan kampus cawangan Swinburne University of Technology yang akan dibina di sini.

Menurutnya terdapat minat baru rakyat Australia datang ke Malaysia berdasarkan kadar pertukaran matawang yang kompetitif dan kestabilan politik yang menyaksikan kira-kira 14,000 orang yang melawat negara ini setiap tahun.

Sebagai naib penaung Persatuan Graduan Sarawak Australia, Varghese akan menemui alumni universiti dan kolej serta pemimpin masyarakat dan politik termasuk Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud semasa di sini.

-- BERNAMA

CJ LAT